

22/06/1998

Tiga bulan untuk pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ekonomi negara dapat dipulihkan dalam masa tiga bulan jika Malaysia boleh menentukan arah tujuhnya tanpa campur tangan faktor luar.

"Ketika ini, pemulihan ekonomi negara bergantung kepada banyak faktor yang berada di luar kawalan saya.

"Tetapi, jika saya mempunyai kawalan sepenuhnya, kita akan pulih dalam tempoh tiga bulan," katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir Perhimpungan Agung Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menekankan dengan wujudnya spekulator memanipulasi mata wang dan menjual saham, agak sukar bagi ekonomi negara untuk pulih sepenuhnya.

Menurutnya, senario itu tidak hanya terhad di negara ini kerana ia juga berlaku di negara lain.

Sambil mengambil contoh nilai yen, beliau berkata, nilai mata wang Jepun itu jatuh beberapa hari lalu dan walaupun tiada keyakinan spekulator, negara itu mampu bangkit kerana mereka mempunyai banyak wang di samping bantuan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir menggesa Amerika supaya turut memberi bantuan beratus bilion dolar bagi membolehkan nilai ringgit dipulihkan.

Bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, beliau berkata, ia akan dapat dilakukan dengan cepat jika kadar faedah di negara jiran, diturunkan.

"Kalau kadar faedah itu naik, wang yang banyak akan mengalir keluar dari negara ini," katanya.

Mengenai ramalan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang ekonomi Malaysia akan mengambil masa lima tahun untuk pulih, beliau berkata: "Saya tidak tahu. Dia mungkin seorang pakar. Saya tak pasti ..."

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia mungkin mengambil masa 20 tahun atau hanya beberapa bulan untuk pulih daripada krisis ekonomi.

Kepada soalan mengenai kawalan kuasa pasaran, beliau berkata, Malaysia memang ingin mengawalinya, tetapi ia bukan milik kita.

Menyentuh dasar pemberian saham khas kepada Bumiputera, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan tetap meneruskan polisi itu kerana pengagihan dilakukan secara adil.

"Dasar ini akan diteruskan kerana ia adalah adil. Jangan fikir orang tertentu sahaja yang dapat kerana orang lain juga dapat," katanya.

Menurutnya, selain pemberian saham kepada mereka yang dipilih seperti pengarah atau pengerusi sesebuah syarikat, saham itu juga turut diagihkan kepada rakyat biasa.

(END)